

KENYATAAN MEDIA

Media Release



UNTUK SIARAN SEGERA

PERUBAHAN JADUAL WAKTU PERKHIDMATAN KTM KOMUTER MULAI 3 FEBRUARI 2018 (SABTU)

2 Februari 2018 (Jumaat) – KTM Berhad ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan KTM Komuter akan beroperasi menggunakan jadual waktu baharu berkuatkuasa **3 Februari 2018 (Sabtu)**. Perubahan jadual waktu ini adalah seiring dengan maklum balas yang diterima daripada pengguna perkhidmatan KTM Komuter dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (S.P.A.D) berkenaan jadual waktu sekarang yang mana baharu sahaja digunakan pada 22 Disember 2017 tahun lalu.

“Perubahan jadual waktu perlu dilakukan sekali lagi bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik dan lancar dapat diberikan sepanjang penutupan satu landasan di antara Stesen KL Sentral – Stesen Putra dan Stesen Kuang – Stesen Sungai Buloh berikutan kerja-kerja Projek Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT – *Klang Valley Double Track Project*) yang dijangka siap pada November 2019. KTM Berhad komited dan prihatin untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna KTM Komuter walaupun kami berhadapan dengan cabaran untuk memastikan kerja-kerja projek dijalankan mengikut perancangan dan pada masa yang sama perlu memenuhi keperluan para pengguna.” kata Encik Khair Johari Ishak, Pengurus Besar Perkhidmatan KTM Komuter.

“Setelah meneliti situasi semasa, menerima maklumbalas pengguna dan nasihat daripada S.P.A.D, pendekatan dan keputusan yang terbaik perlu dilakukan iaitu dengan mengubah sekali lagi jadual waktu perkhidmatan KTM Komuter untuk kesemua laluan termasuk mengubah corak operasi tren Komuter bagi laluan Pulau Sebang – Batu Caves dan sebaliknya” tambah beliau lagi.

Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh para pengguna perkhidmatan tren KTM Komuter berikutan perubahan yang dilakukan:

1. Perubahan Jadual Waktu Laluan Pelabuhan Klang – Tanjung Malim – Pelabuhan Klang

- Jadual waktu tren akan mengalami perubahan berikutan kekerapan tren yang baharu adalah setiap 30 minit sepanjang hari berbanding sekarang iaitu setiap 15/30 minit pada waktu puncak dan 60 minit di luar waktu puncak.

2. Perubahan Jadual Waktu Laluan Pulau Sebang – Batu Caves – Pulau Sebang Berikutan Perubahan Corak Operasi Tren

- Tiada perkhidmatan terus dari Pulau Sebang ke Batu Caves dan sebaliknya mulai Sabtu ini. Perkhidmatan tren dari Pulau Sebang akan ditamatkan di Stesen KL Sentral dan berpatah balik ke laluan Pulau Sebang dengan kekerapan tren setiap 20 minit (waktu puncak) dan 30 /90 minit (waktu luar puncak). Manakala perkhidmatan tren dari Batu Caves akan ditamatkan di Stesen Sentul dan berpatah balik ke laluan Batu Caves dengan kekerapan tren setiap 20 minit (waktu puncak) dan 40 minit (waktu luar puncak).

Penumpang yang ingin menyambung perjalanan ke laluan Pulau Sebang atau Batu Caves, pengangkutan alternatif iaitu bas perantara **PERCUMA** disediakan untuk membolehkan penumpang dari Stesen KL Sentral ke Stesen Sentul atau dari Stesen Sentul ke Stesen KL Sentral atau LRT Sentul menyambung perjalanan dengan tren untuk ke destinasi masing-masing. Bas perantara akan beroperasi dengan kekerapan setiap 20 minit – 30 minit bergantung kepada aliran trafik.

Berikutan perubahan ini juga, tiada perkhidmatan tren secara terus ke laluan Pulau Sebang atau Batu Caves untuk penumpang yang menaiki Komuter dari stesen Kuala Lumpur, Bank Negara, dan Putra. Para penumpang dinasihatkan untuk menaiki tren dari laluan Tanjung Malim untuk ke Stesen KL Sentral atau perkhidmatan tren Rapid KL (Laluan Sri Petaling) sebagai alternatif untuk ke destinasi masing-masing.

KTMB amat menghargai dan mengharapkan pemahaman serta sokongan pengguna setia perkhidmatan KTM Komuter dalam tempoh pelaksanaan Projek Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT – Klang Valley Double Track Project) berikutan kesulitan yang terpaksa ditempuhi pada masa kini untuk kemudahan masa hadapan.

Jadual waktu baharu perkhidmatan KTM Komuter ini boleh dirujuk atau dimuat turun di laman sesawang rasmi KTM Berhad, www.ktmb.com.my atau hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-2267 1200 atau twitter @ktm_berhad untuk informasi lanjut.

...

Dikeluarkan oleh
Unit Komunikasi Korporat
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD